

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH
A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana seorang suspek bergelar 'Datuk Seri' yang disiasat berkaitan sindiket pengubahan wang haram dapat meloloskan diri daripada kawalan dan penjagaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia baru-baru ini.

JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, individu tersebut bukanlah bergelar 'Datuk Seri'. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh pihak PDRM, individu tersebut adalah Goh Leong Yeong @ Alvin. Pada 11 Oktober 2020 individu tersebut telah dilepas reman oleh pihak SPRM.

Walaupun bagaimanapun, individu tersebut berjaya meloloskan diri daripada ditahan oleh pihak polis. Usaha untuk mengesan telah dilakukan dan pada 27 Oktober 2020 individu tersebut telah berjaya ditahan oleh pihak polis. Pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) juga sedang menjalankan siasatan berhubung perkara ini. Sekian, terima kasih.